

# Singapura perlu hormati pendirian Malaysia

UM 2 APR 2002  
KUALA LUMPUR 1 April — Singa-  
pura perlu menghormati **pendirian**  
Malaysia dan memahami **kebimban-**  
**ngan** rakyat negara **ini** berhubung  
isu penambakan laut **bagi memelaha-**  
**ra** hubungan antara kedua-dua **ne-**  
**gara pada** masa hadapan.

Menteri di Jabatan **Perdana Men-**  
**teri**, Tan Sri Bernard Dompok **berka-**  
**ta**, hubungan antarabangsa di **anta-**  
**ra** negara **ini** dengan **sesebuah**  
negara lain termasuk republik itu  
adalah **sangat** bergantung kepada  
sejauh **mana** sikap saling **hormat-**  
**menghormati** dapat ditunjukkan.

"**Kita** sangat sedih negara yang  
meniadi rakan **rapat** berbuat demiki-  
an. "Singapura **boleh** lakukan **apa**  
yang mereka mahu, **tetapi** sudah  
**pasti** terdapat **batas-batas** tertentu  
terhadap **apa** yang boleh mereka  
lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian **pada** si-  
dang media selepas **merasmikan**  
Majlis Pembukaan Program **Kerjasa-**  
**ma** Teknikal Malaysia (MTCP) di  
**sini**, hari **ini**.

Kerajaan Singapura hari **ini** **dila-**  
**porkan** akan menimbangkan **kebim-**  
**bangan** negara **ini** berhubung dasar  
penambakan lautnya jika kerajaan  
menyenaraikan kebimbangan **berke-**  
**naan** dalam sepucuk **surat** rasmi.

Timbalan **Perdana** Menteri **Singa-**  
**pura**, Lee Hsien Loong **berkata**,  
kerajaannya setakat **ini** tidak akan  
**mengubah** pendirian berhubung isu  
**tersebut kerana** kegiatan **penambak-**  
**an** laut hanya dilakukan di dalam  
lingkungan **perairan** pulau itu.

Sabtu lalu, **Perdana** Menteri, **Da-**  
**tuk** Seri Dr. Mahathir Mohamad  
**memberi** amaran, kerajaan akan  
mengkaji semula kerjasama dengan

Singapura jika **ia** **terus** tidak **meng-**  
**hiraukan** kebimbangan negara **ini**  
mengenai kegiatan penambakan  
laut itu.

Sementara itu, **pada** majlis **peras-**  
**mian** MTCP, Dompok berkata, **ne-**  
**gara-negara** selatan perlu terus **be-**  
**kejasama** dan berkongsi kemahiran  
**bagi** membangunkan sektor **pentad-**  
**biran** awam di negara **masing-**  
**masing**.

Program yang dianjurkan oleh  
**Institut Tadbiran Awam** Negara (**Intan**)  
itu dihadiri oleh 65 peserta  
daripada 33 buah negara.

**Menurut** Pengarah Institut  
Tadbiran Awam **Negara (Intan)**, **Da-**  
**tuk** Dr. **Zulkurnain Awang**, MTCP  
adalah program tahunan yang telah  
berjaya meningkatkan kemahiran  
sektor awam di antara negara-  
negara selatan.